

Pinda AUKU matangkan politik kampus

PERSATUAN Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, mengenai hasrat kerajaan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang dimuatkan di halaman depan akhbar ini, semalam.

Sebagai pemimpin mahasiswa, saya beranggapan bahawa langkah meminda AUKU itu satu tindakan yang relevan mengikut keadaan semasa. Selepas sekian lama mahasiswa berada dalam zaman AUKU, kita melihat beberapa elemen yang bersifat pro dan kontra mewarnai kehidupan mahasiswa. Secara keseluruhannya kita melihat bagaimana ada mahasiswa hilang semangat untuk bersosial dan memimpin.

Akibatnya, mahasiswa hilang ke-

yakinan diri, malu untuk berhadapan dengan masyarakat, tidak lagi memiliki kredibiliti sebagai pemimpin, takut untuk berhadapan dengan cabaran serta masih tercari-cari matlamat hidup mereka yang sebenar.

Fenomena seperti ini bukan saja berlaku pada zaman mereka menjadi mahasiswa, tetapi ia secara tidak langsung akan terbawa-bawa ke alam pekerjaan. Maka, tidak hairanlah mengapa ramai kelompok yang mengisi sektor pekerjaan pada hari ini belum bersedia dan tidak bersungguh-sungguh untuk berhadapan dengan tanggungjawab yang lebih besar, takut untuk menghadapi cabaran kerana khuatir untuk berhadapan dengan risiko, mudah mengalami tekanan perasaan ekoran hilangnya motivasi diri dan sebagainya.

Sementara itu, saya juga bersetuju dengan kenyataan yang dikeluarkan

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang juga bekas Presiden MBM, Datuk Saifuddin Abdullah yang mendakwa beberapa peruntukan dalam AUKU sendiri sudah tidak relevan.

Antaranya, Seksyen 15(1),(2),(3) dan (4) yang melarang mahasiswa menganggotai pertubuhan di luar kampus. Bagaimana mungkin pembabitan mahasiswa yang amat diperlukan masyarakat dinafikan.

Pertubuhan luar yang sah seperti pertubuhan belia, persatuan koperasi, beberapa persatuan profesional dan sebagainya sememangnya memerlukan idea dan sumbangan mahasiswa sebagai tulang belakang untuk menggerakkan aktiviti mereka.

Kehidupan mahasiswa sepatutnya menjadi medan untuk mereka membuka mata. Mereka tidak boleh berada dalam di ruang lingkup mereka

saja, sebaliknya mereka perlu memandang kepada dunia luar sebagai penilaian mengenai apa yang diperlukan untuk membangunkan masyarakat.

Kehidupan mahasiswa seharusnya tidak terhad hanya kepada Dewan kuliah, bilik tutorial dan perpustakaan. Sebaliknya ia membabitkan seluruh kehidupan universiti dan masyarakat, termasuk kokurikulum, kebajikan, politik kampus dan sebagainya. Pembabitan seperti inilah yang sebenarnya mampu untuk mematangkan kepemimpinan mahasiswa.

Dalam pada itu, saranan saya dan PKPIM kepada seluruh mahasiswa, kita harus menyahut perubahan itu dengan penuh rasa tanggungjawab dan iltizam sebagai nadi kepada pembangunan mahasiswa sendiri.

Sebagai pemimpin negara masa de-

pan, kita harus sedar bahawa mahasiswa harus mencari medium untuk membugarkan proses kematangan berfikir dan memimpin. Maka, mentaliti golongan mahasiswa yang masih lagi kaku, lesu serta tiada hala tuju seharusnya diubah kerana ia akan memberikan gambaran yang salah mengenai identiti mahasiswa yang sebenar.

Mereka yang beranggapan bahawa zaman mahasiswa hanyalah zaman untuk mendapatkan segulung ijazah, juga harus digantikan dengan kesadaran untuk bersama-sama membawa idealisme perjuangan mahasiswa yang murni.

**MUHAMMAD FAISAL
ABDUL AZIZ,**

*Exco Pendidikan dan Penyelidikan,
Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam
Malaysia (PKPIM).*